



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

### TEKS UCAPAN

**YB TAN SRI TPr. ANNUAR HAJI MUSA  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**MAJLIS PERASMIAN MADRASAH BUSTANUL ULUM  
TAMAN TUGU, KUALA LUMPUR**

**5 FEBRUARI 2021 (AHAD)  
23 JAMADIL AKHIR 1442H  
12.30 TENGAH HARI  
MADRASAH BUSTANUL ULUM. TAMAN TUGU, KUALA LUMPUR**

Bismilahirahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terima kasih kepada saudara pengacara majlis;

**Salam Wilayah Persekutuan, Wilayah Prihatin,**

Pegawai-pegawai kanan Kementerian dan Agensi Kerajaan, Pihak NGO, wakil-wakil media, serta tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia serta rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama hadir di Majlis Perasmian Madrasah Bustanul Ulum, Taman Tugu yang diadakan pada 5 Februari 2021 bersamaan 23 Jamadilakhir 1442H di hari Jumaat yang mulia ini . Walaupun jumlah yang hadir terhad kerana penularan wabak Covid-19 pada masa ini, saya berharap ianya tidak menjelaskan tujuan asal perasmian ini dilakukan.

YBhg. Dato-Dato/Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

2. Projek Taman Tugu ini merupakan projek pemuliharaan dan pemeliharaan hutan semulajadi telah mula dilancarkan pada 4 September 2016. Projek ini dilaksanakan atas tanah hutan semulajadi seluas 66 ekar yang terletak berhampiran dengan Tugu Negara yang berfungsi sebagai 'green lung' Ibu Kota Kuala Lumpur. Ianya mampu menyediakan ruang untuk aktiviti penjagaaan alam sekitar terutamanya pendidikan biodiversiti kepada golongan muda dan tumpuan rekreasi kepada warga kota.

3. Projek ini telah dilaksanakan oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan usaha Khazanah untuk membangunkan Taman Tugu secara Corporate Social Responsibility dilihat memberi manfaat kepada rakyat dan disokong oleh Kerajaan. Ianya menjadi hasrat Kerajaan untuk memastikan semua sungai di negara ini berada dalam keadaan yang bersih dan terpelihara. Ini termasuklah Sungai Klang yang bermula dari Hutan Simpan Ulu Gombak hingga ke muara Sungai Klang.

4. Projek pembangunan semula Madrasah Bustanul Ulum ini telah bermula pada suku tahun kedua 2017 dan siap sepenuhnya pada Disember 2020 di lokasi yang lebih strategik. Kemudahan baru ini akan memberikan keselesaan di mana mampu menempatkan lebih 1000 orang jemaah pada satu masa. Madrasah ini akan juga mempunyai 3 unit kuarters untuk kegunaan pengurusan madrasah. Malah terdapat gerai-gerai makanan turut dibina dalam kawasan surau ini. Kos pembinaan madrasah ini adalah melalui peruntukan yang telah disediakan melalui Dana Mudah Cara daripada Unit Kerjasama Swasta Awam (UKAS) dan sumbangan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Diharap Madrasah ini dapat digunakan oleh warga kota dan pengunjung di kawasan ini.

5. Tujuan perasmian ini diadakan adalah untuk memaklumkan kepada orang ramai mengenai kewujudan Madrasah ini sebagai salah satu pilihan untuk tempat beribadah, terutama solat Jumaat yang pada musim pandemik ini dihadkan kepada 30 orang setiap lokasi. Ianya merupakan salah satu HADIAH keprihatinan kerajaan terhadap warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Bulan Wilayah.

YBhg. Dato-Dato/Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

6. Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam membangunkan Madrasah Bustanul Ulum ini yang terdiri dari Khazanah dan Kementerian Wilayah Persekutuan sebelum diserahkan kepada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya merasmikan Madrasah Bustanul Ulum Taman Tugu Kuala Lumpur.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah. Wassalammu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.